



07 Jun 2026

Mesej Pengerusi Untuk Minggu Kebajikan Diosis 2026

Shalom dan salam sejahtera kepada saudara-saudari yang dikasihi dalam Kristus, dalam nama perkasa Tuhan kita Yesus Kristus. Kini, kita sekali lagi berada dalam bulan Jun 2026 dan Minggu Kebajikan Diosis sudah menjelang tiba. Semua ahli Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis (DW&DR) ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala doa dan sumbangan kewangan yang telah diberikan sepanjang tahun 2025. Kemurahan hati anda telah membolehkan kami untuk meneruskan misi dan pelayanannya kami, walaupun secara sederhana tetapi penuh bermakna, untuk membantu dan memulihkan keperluan dan kehidupan umat Allah dalam Diosis kita. Allah yang Maha Kuasa telah menunjukkan kasih kurnia dan belas kasihannya memimpin kami setiap kali kami mencari hikmat dan pimpinan-Nya dalam pelayanannya lembaga ini. Sesungguhnya, kami berharap dan berusaha untuk melakukan yang lebih baik dari tahun ke tahun.

1) Pelayanannya Pusat Pembelajaran Alternatif Seguntor di bawah jagaan Gereja St Michael dan Semua Malaikat, Sandakan telahpun terlibat dalam pelayanannya pendidikan komuniti dalam kalangan anak-anak pekerja asing tanpa dokumen di kawasan Seguntor selama bertahun-tahun. Pusat pembelajaran ini beroperasi dengan peruntukan tahunan yang agak besar dan kebanyakan masa beroperasi dalam keadaan defisit. Namun demikian, visi mereka tetap teguh dan bermatlamat. Lembaga DW&DR dengan setia telah memperuntukkan geran tahunan sebanyak RM80,000.00 kepada mereka sejak beberapa tahun yang lalu. Semoga kita terus memberikan sokongan padu terhadap visi pusat pembelajaran ini.

2) Persekutuan Penjara Sabah – Lembaga DW&DR telah menyalurkan geran tahunan sebanyak RM30,000.00 untuk menyokong kerja dan pelayanannya mereka dalam kalangan para banduan di penjara-penjara Sabah. Visi dan misi mereka amat penting dan wajar dipuji kerana mereka membantu bekas banduan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat selepas dibebaskan.

3) Pendidikan – Lembaga DW&DR telah menerima lebih dari dua puluh permohonan Geran Pengajian Pelajar sekali sahaja untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan, dan sepanjang tahun tersebut sebanyak dua puluh permohonan telah diluluskan.

Muka surat seterusnya...

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Meltzer Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah

The Rt. Revd. Datuk Meltzer Jiki Tais

- Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Fredoline Babiah

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Aful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- Dewasa: Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- Belia: Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- Muda-Mudi: Revd. Nelson Tai Zun Bin

- Kanak-Kanak: Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- Dewasa: Revd. Ho Kee Chung

- Belia: Alan Chung

- Muda-Mudi: Yvonne Lee

- Kanak-Kanak: Chan Mei Yong

- Warga Emas: Kok Feh Ken

ZON BM:

- SPC: Revd. Anzen Daud

- PJA: Revd. Majelus Majar

- Dewasa: Revd. Anzen Daud

- Belia: Danny Daniel

- Muda-Mudi: Jackson Samuel

- Kanak-kanak: Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- Penjagaan & Kasih:

Alex Wong Chun Sang

- Kaunseling: Ps. Lim Bun Hui

- Sistem Bunyi: Jackson Samuel

- Doa: Chu Sui Fun

- Pasukan Pujian: Esther Hoo

- Pusat Sumber: Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- PA Rektor: Annie Chiew

- Pentadbiran: Margaret Khong

- Penyelenggaraan:

Rommel Lumantas

- Pengangkutan:

Rommel Lumantas

- Kebersihan: Margaret Khong

GEREJA MISI

- Tarakan, Korpri, Malinau &

Tanjung Selor

Revd. Jakobus Chong

Ps. Lim Tze Ling

Ps. Daniel Musa Litu

- Nunukan

Revd. Roy Nol Simon

- Sebakis

Revd. Martin Ataring

- Seimenggaris

Revd. Ferdinan Antonis

Ps. Christinah Simon

- Sekalayan

Revd. Alexander Nenotek

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

dari muka surat sebelah...

... khususnya dari kawasan pedalaman, mempunyai peluang yang lebih baik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan menikmati masa depan yang lebih cerah. Pada tahun lalu, Lembaga DW&DR telah menggunakan sejumlah RM30,500.00 untuk tujuan yang bermakna ini.

4) Bantuan Kewangan – Lembaga DW&DR turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan kepada ahli-ahli dalam diosis kita yang terjejas akibat bencana sepanjang tahun lalu. Kami telah meluluskan lebih dari RM98,000.00 untuk Dana Bantuan Banjir kepada keluarga-keluarga yang terjejas di kawasan Kota Marudu, Segama, Sandakan, Nangoh, Pitas, Silabukan, Keningau dan Beaufort semasa kejadian banjir besar pada bulan Februari yang lalu.

Kami juga telah menyalurkan Dana Bantuan Kebajikan Keluarga kepada beberapa ahli yang memerlukan di Kolombong, Papar dan Misi Sook. Selepas gempa bumi besar berukuran 7.7 magnitud yang telah melanda Myanmar pada bulan April lalu, Bishop Melter Tais telah menyeru seluruh diosis kita untuk berdoa dan membantu saudara-saudari seiman di Myanmar melalui Dana Bantuan Gempa Bumi Myanmar. Sebagai tanda keprihatinan dan kemurahan hati ahli-ahli diosis kita, sejumlah lebih dari RM126,000.00 telah berjaya dikumpulkan dan disalurkan melalui Lembaga DW&DR.

Seiring dengan usaha Lembaga DW&DR untuk terus menjangkau, membantu dan memberkati lebih ramai orang, saya ingin menggalakkan setiap ahli diosis untuk memberi dengan rela hati dan penuh pengorbanan demi perluasan Kerajaan Allah. Sambil berbuat demikian, mohon agar anda terus menyokong Lembaga Kebajikan dengan doa yang sungguh-sungguh.

Sumbangan boleh disalurkan melalui pemindahan atas talian, pembayaran QR atau sampul persembahan dengan mencatatkan “**Kebajikan**”.

Pembayaran QR (Boost) : Pemberian Sukarela (Freewill Offering)
Pemindahan Bank: **Public Bank: 3091827035.**

*Sila hantarkan salinan slip bank-in atau bukti pemindahan ke nombor **011-5995 4101.***

Semoga Tuhan yang penuh kasih kurnia memberkati kita dengan kelimpahan semasa kita dengan senang hati melayani mereka yang memerlukan bantuan. Saya dan ahli-ahli Lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan yang diberikan dengan setia. Puji Tuhan!

Dalam Kristus kami melayani,
Pengerusi Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis.

STATISTIK KEBAKTIAN 2026				
KEBAKTIAN	BULAN APRIL		BULAN MEI	
	KEHADIRAN	PERJAMUAN KUDUS	KEHADIRAN	PERJAMUAN KUDUS
Dwibahasa	397	-	380	316
Bahasa Hakka	272	241	287	240
Bahasa Inggeris	175	149	153	135
Bahasa Mandarin	90	55	70	63
Bahasa Malaysia	740	566	749	561
PJA 1 (8:00pagi)	134	115	149	101
PJA 2 (11:00pagi)	102	73	113	70
Jumlah keseluruhan	1,910	1,199	1,901	1,486

SELAMAT DATANG

Kami mengalu-alukan kehadiran Rev. Dr. Moses Afful sekeluarga dengan penuh sukacita. Beliau akan melayani sebagai Perunding Pembangunan Eksekutif bagi Sekolah Visi dan juga sebagai salah seorang paderi di Zon Bahasa Inggeris.

KELAS PENETAPAN

Setiap Hari Rabu
7:30 malam | Bilik Joy

KEBAKTIAN PEMBAPTISAN

14 Jun 2026 (Ahad)
11:00 pagi | Rumah Doa

SEMINAR PENYEMBAHAN

PASUKAN PUJIAN

9 Jun 2026 (Selasa) | 7:30 malam
Gereja St. Patrick

PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Sendi Yunus
&
Edillen Layong

KEBAKTIAN PERNIKAHAN KUDUS

13 Jun 2026 (Sabtu) | 10 pagi
Gereja St. Patrick

Sekiranya jemaat mengetahui sebab mereka tidak dapat disatukan dalam nikah kudus sila maklumkan kepada pihak gereja.

Sebagai makluman ini merupakan pengumuman yang **ketiga**.

LIGA BOLA SEPAK SEL KANAK-KANAK

Bermula 7 Jun 2026 (Ahad)
3:30 petang
Padang SPC

MENARA DOA

8 Jun 2026 (Isnin) | 7:30 malam
Gereja St. Patrick
Tema Doa : Dewasa

PERKEMBANGAN TERKINI

LAWATAN MISI 2026

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua jemaat atas sokongan dan kesetiaan anda dalam memberi untuk misi. Sehingga kini, kami telah menerima sumbangan berjumlah **RM 79,183.00**.

Anda boleh terus memberi sumbangan dengan mengimbas kod QR Boost (Persembahan) atau melalui pemindahan dalam talian ke nombor akaun Gereja :
Public Bank : 3091827035

Sila nyatakan "MISI" pada ruangan catatan semasa membuat transaksi.

PEMBERIAN PERSEMAHAN



Persepuluhan Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035
Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**
Cek: St. Patrick's Church, Tawau

SIRI KHUTBAH : DIBANGUNKAN UNTUK BERDOA
BERDOA MENGHADAPI RINTANGAN HIDUP
FILIPHI 1:3-11

1. **Berdoa dengan ucapan syukur, bukan dengan keluhan (ayat 3-5)**
 - Rintangan sering menggoda kita untuk mengeluh.
 - Kesyukuran mengalihkan tumpuan kita daripada masalah kepada pemeliharaan Tuhan.
 - Kesyukuran menguatkan iman dan memperbaharui pengharapan.

2. **Berdoa dengan keyakinan terhadap pekerjaan Allah (ayat 6)**
 - Masalah mungkin kelihatan sangat berat, tetapi ia tidak akan dapat menghalang tujuan Tuhan.
 - Ketika perubahan nampak perlahan, tetaplah percaya bahawa Tuhan sedang bekerja.
 - Keyakinan kita bukan pada kekuatan diri sendiri, tetapi pada kesetiaan Tuhan.

3. **Berdoa Untuk Pertumbuhan Rohani dan Kepekaan Rohani (ayat 9-11)**
 - Kemenangan terbesar atas segala rintangan bukanlah dengan melarikan diri daripadanya, tetapi dengan bertumbuh melaluinya.
 - Kepekaan rohani membantu kita membuat keputusan yang berkenan kepada Tuhan dalam masa yang sukar.
 - Kehidupan yang berbuah memuliakan Kristus tanpa mengira apa juga keadaan yang dihadapi.

Penerapan Firman Tuhan :

1. Apakah satu cara khusus doa Paulus dalam Filiphi 1 dapat membantu anda mengatasi alasan atau halangan yang menyebabkan anda kurang berdoa dan mengalami kekeringan rohani?
2. Apakah yang mendorong Paulus untuk terus bersukacita dan bersyukur walaupun sedang menghadapi banyak penderitaan peribadi?
3. Bagaimanakah teladan Paulus dapat mendorong anda untuk tetap tekun dalam doa ketika menghadapi keadaan yang sukar di dalam hidup anda sendiri?